



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُؤَسِّسُهُ رَئِيسُ الْإِسْلَامِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَلَيْسِيَّةِ

CyberSecurity
MALAYSIA

MPC



BUKU PANDUAN

AWAS MEDIA SOSIAL DAN PERMAINAN DALAM TALIAN



Oleh :

**Outreach & Capacity Building Division,
CyberSecurity Malaysia.**

Mohamad Fauzan Noordin (MCPF, UIAM, WADAH)

Roslina Othman (UIAM)

Hazwani Mohd Mohadis (UIAM)

Wan Farid Wan Ahmad (MPC)

Penyunting Grafik:

Nadia Binti Mohd Nasir, UIAM

BUKU PANDUAN AWAS MEDIA SOSIAL DAN PERMAINAN ini diterbitkan oleh Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF).

Cetakan Pertama 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada penulis asal.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0895-13-0

Professor Dr. Mohamad Fauzan Noordin (UIAM), Professor Dr. Roslina Othman (UIAM), Dr. Hazwani Mohd Mohadis (UIAM) dan Wan Farid Wan Ahmad (MPC), 2019.

Diterbitkan dan Dicetak oleh :

ATTIN PRESS SDN. BHD.
No. 8 Jalan Perindustrian
PP4, Taman Perindustrian
Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor.

KANDUNGAN

- Kata-kata Aluan
- Pengenalan
- Ancaman dan Kebimbangan Siber
- Pemeliharaan Agama dan Nilai-Nilai Insan
- Ancaman Kesihatan Siber
- Panduan Al-Quran Di Dalam Melayari Alam Siber
- Panduan Soalan-Soalan Penting Untuk Ditanyakan Anak Anda Tentang Internet
- Tip Yang Sesuai Dengan Umur
- Penghargaan



AWASpada

KATA-KATA ALUAN

Timbalan Perdana Menteri Malaysia Merangkap Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF),



Y.A.B Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera.

Dengan kemajuan pesat teknologi, masyarakat, terutamanya anak-anak kita terdedah kepada pelbagai pengaruh negatif daripada Internet. Justeru, kita sebagai ibubapa dan penjaga mempunyai tanggungjawab besar dalam memantau serta mengawal penggunaan Internet dalam kalangan mereka.

Media sosial dan permainan atas talian merupakan medium capaian maklumat yang paling mudah bagi mendekati masyarakat terutamanya golongan remaja pada masa kini. Anak-anak pula mudah terpengaruh dengan apa yang dibaca atau ditonton melalui media sosial

dan permainan atas talian. Saya percaya hampir kesemua anak kita melayari internet dengan telefon bimbit pada masa lapang mereka, sama ada di rumah mahupun di luar rumah.

Oleh yang demikian, perhatian penuh ibubapa dan masyarakat sekeliling dalam membentuk jiwa dan kesiapsiagaan anak-anak amat diperlukan. Ibubapa perlu meluangkan masa dengan anak-anak mereka supaya pemantauan dan kawalan boleh dilaksanakan secara berhemah. Kitalah yang membentuk mereka sama ada ke arah positif atau sebaliknya. Mereka ibarat kain putih yang tersedia untuk dilakar dan diwarnai sebagaimana idea dan pemikiran seorang artis atau pelukis. Sepertimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), ibubapanyalah yang mencorakkannya sama ada menjadi yahudi atau nasrani atau majusi”.

Kesemua pihak perlu bertanggungjawab terutamanya pihak “Telco” yang menyediakan khidmat jalur lebar yang luas lagi pantas. Saya berharap pihak “Telco” juga akan menjaga, mengurus dan prihatin terhadap gejala negatif terutamanya jenayah siber dalam media sosial dan permainan dalam talian.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di

bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membangunkan Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) bagi melengkapkan keluarga dengan pengetahuan bagi menghadapi ancaman keselamatan yang datang dalam pelbagai bentuk. Objektif pelaksanaan Modul ini antaranya adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keselamatan keluarga di alam siber.

Antara Pengisian Modul tersebut adalah Sesi Keselamatan Siber yang menekankan panduan berkaitan keselamatan melayari internet, pendedahan mengenai maklumat-maklumat yang tidak boleh didedahkan serta tindakan proaktif yang boleh diambil untuk menangani ancaman keselamatan siber.

Anda boleh dapatkan maklumat lanjut berkaitan modul ini melalui laman sesawang LPPKN atau pun dengan menghubungi Pejabat LPPKN yang berdekatan.

LPPKN turut melaksanakan usaha sama dengan NGO Wadah dalam pelaksanaan Kempen Sekeluarga Tolak Pornografi (SToP).

Kempen ini dilaksanakan khusus untuk memberi pendedahan kepada khalayak ramai berkenaan bahaya pornografi dan cara-cara mengelakkannya.

Saya berharap pelancaran buku panduan AWASpada atau “AWAS Media Sosial dan Permainan Dalam Talian” pada hari ini akan turut menolong mengurangkan jenayah siber secara pesat. Buku panduan AWASpada ini bertujuan untuk memberi panduan, maklumat dan pendedahan awal kepada masyarakat berkaitan ancaman-ancaman yang terdapat di alam siber serta perbuatan salah laku yang boleh menjurus kepada kesalahan jenayah siber yang perlu dilaporkan dengan segera kepada ibubapa, penjaga atau pihak berkuasa.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), CyberSecurity Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan semua yang telah terlibat di dalam penerbitan buku panduan AWASpada ini.

Semoga Allah memberkati dan merahmati usaha kita yang murni ini.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Professor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Assalamu'alaikum dan salamsejahtera.

Sukar untuk menafikan bahawa media sosial serta permainan dalam talian merupakan fokus utama dalam kalangan hampir semua anak muda pada zaman ini.

Media sosial seperti Instagram, Twitter mahupun Facebook sememangnya menyebabkan ketagihan ramai orang ekoran platform komunikasinya yang interaktif, bebas dan rangkaianannya melangkau segenap benua.

Namun begitu, berdasarkan kajian, penggunaan media sosial dalam kalangan mereka yang mengalami kemurungan sangat berbahaya. Begitu juga dengan meletusnya banyak kes pembulian secara

siber yang semakin dibimbangi di negara ini sejak kebelakangan ini.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa mengutamakan keamanan melalui dasar rahmah supaya tidak timbul kekecohan lebih-lebih lagi dalam cabaran dunia semasa Islam dengan media sosial dan fitnah akhir zaman.

Usaha yang dibawa oleh kerajaan Malaysia hari ini melalui dasar rahmatan lil alamin dan maqasid syariah adalah tepat pada masa dan tempatnya. Usaha inihendaklah disambut oleh semua pihak di negara ini tidak kira peringkat umur dan bangsa.

Umat Islam hendaklah berwaspada agar tidak terjerumus di dalam elemen-elemen negatif seperti keganasan yang terdapat di dalam permainan atas talian dan mengelakkan daripada menyebarkan sesuatu di media sosial yang bolehmemusnahkan kedamaian dan keharmonian dalam kalangan umat Islam sendiri.

Saya percaya dengan pelancaran buku panduan AWAS Media Sosial dan Permainan Dalam Talian (AWASpada) ini dapat memberikan satu panduan yang komprehesif kepada masyarakat terutamanya generasi muda di dalam mengharungi alam dunia siber di abad ke 21 ini.

Di dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yayasan Banteras Jenayah Malaysia (MCPF), CyberSecurity Malaysia, Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan Persatuan Wadah Kecerdasan Umat (WADAH) di atas segala kerjasama di dalam penyediaan buku panduan AWASpada ini.

Semoga Allah swt memberkati serta merahmati usaha yang murni ini.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia



Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Bin Abdul Wahab

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Pada era digital masa kini, sesuatu perkara atau maklumat amat mudah diakses melalui pelbagai jenis peranti digital. Fenomena ini berlaku hasil dari evolusi teknologi yang sentiasa dinamik serta didorong oleh peluasan infrastruktur jalur lebar. Ledakan penggunaan internet dan media sosial dapat dirasakan di semua lapisan masyarakat, tidak mengira golongan sama ada dewasa mahu pun kanak-kanak, juga tanpa mengira latar belakang sosial, budaya, ekonomi, demografi dan juga geografi.

Kini, media sosial merupakan platform komunikasi yang popular dan diguna pakai untuk pelbagai tujuan dan motif tersendiri. Selain memberi banyak aedah, penggunaan aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan sebagainya juga banyak mempengaruhi polar kehidupan masyarakat digital masa kini. Media sosial yang sepatutnya digunakan untuk tujuan komunikasi dan berinteraksi secara positif telah disalahgunakan bagi aktiviti penyebaran berita dan maklumat palsu (fake news) sehingga menjejaskan keharmonian negara.

Penerbitan Buku Panduan AWASpada atau “AWAS Media Sosial, dan Permainan Dalam Talian” ini merupakan satu usaha yang harus diberi pujian. Ia mengandungi informasi berbentuk panduan kepada pengguna media sosial bagi membolehkan mereka mengetahui kaedah serta tatacara penggunaan media sosial secara berhemah dan beretika. Buku ini juga menjadi platform dalam memberi pendedahan mengenai jenis-jenis ancaman siber sewaktu penggunaan media sosial seperti penipuan dalam talian, buli siber, kecurian identiti dan sebagainya.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Persatuan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH) serta semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buku Panduan AWASpada ini. Diharapkan agar buku ini dapat memberi manfaat kepada pengguna media sosial dan pengguna internet amnya. Berwaspadalah dalam menggunakan media sosial dan internet. “Sentiasa Bijak, Sentiasa Selamat”

Pengerusi

AWASpada (AWAS Media Sosial dan Permainan Dalam Talian) & Ketua Jawatankuasa Keselamatan Siber, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)



Professor Dr. Mohamad Fauzan Noordin

Assalamu'alaikum dan salamsejahtera.

AWASpada adalah usaha murni yang dicetuskan oleh WADAH dan disokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF), CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Malaysia Productivity Corporation (MPC).

AWASpada bermaksud AWAS media Sosial dan Permainan dalam talian bertujuan memberi kesedaran mengenai bahaya dan keburukan penggunaan media sosial dan permainan dalam talian.

Pengguna seharusnya mengguna media sosial dan permainan dalam talian dengan berhikmah dan bijaksana. Media

Sosial dan Permainan Dalam Talian adalah teknologi terkini yang sepatutnya dimanfaatkan demi kesejahteraan manusia. Malangnya teknologi yang terkini ini disalah gunakan.

Konsep Maqasid Syariah dan Masyarakat Madani diadunkan dalam Panduan AWASpada sesuai bagi setiap lapisan masyarakat, bangsa dan agama. Setiap bangsa dan agama memelihara kepercayaan, kehidupan, pemikiran, keturunan dan harta. Masyarakat Madani dalam maya boleh diwujudkan dimana warga alam maya mempertahankan kebenaran, budaya ilmu, kebahagiaan dan melakukan kebaikan dan kebajikan. Buku Panduan AWASpada bertujuan memberi panduan secara berhikmah untuk pengguna media sosial dan permainan dalam talian bagi segenap lapisan masyarakat.

Terima Kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail selaku Pengerusi MCPF, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, CyberSecurity Malaysia, Wadah Percerdasan Umat (WADAH) dan MPC kerana sokongan.

Doakan usaha murni ini dimanfaatkan oleh Masyarakat Malaysia dan dirahmati Allah swt. Wassalam.

Presiden Persatuan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH)



Ahmad Azam Ab Rahman

Assalamu'alaikum dan salamsejahtera.

Sebagaimana penciptaan telefon oleh Alexander Graham Bell tahun 1876 telah mencipta revolusi komunikasi, begitu jugalah penciptaan Internet oleh Bob Kahn dan Vint Cerf tahun 1974, telah mencetuskan revolusi media global yang sangat fenomenal. Internet telah memungkinkan maklumat dicapainya di hujung jari. Namun demikian, umpama sebilah pisau, Internet boleh digunakan untuk kebaikan atau sebaliknya.

Memandangkan pengaruh Media Sosial melalui internet telah menjadi wahana terpenting di dalam pembentukan system nilai masyarakat kita hari ini, maka suatu penggubalan dasar mengenainya wajib

dibuat dan dikuat kuasakan. *Fake News, Cyber Bullying, E-Sport, Digital Drug, Cyber Sex* adalah antara beberapa fenomena baharu yang berkaitan media sosial yang perlu diberi perhatian dengan penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan berkesan. Pelancaran AWASpada pada hari ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah inisiatif keprihatinan pihak Kerajaan yang ingin agar fenomena Media Sosial ini menjadi wahana penting di dalam pembentukan masyarakat yang informatif dan berpengetahuan serta kukuh nilai-nilai murni. ke Malaysiiaan yang harmonis dan bersatu padu.

Inisiatif AWASpada ini adalah sinergi antara pihak Kerajaan, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan Universiti yang wajar menjadi tren baru dalam Malaysia Baharu yang inklusif dan responsif.


Pihak WADAH merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam penganjuran program ini.

PENGENALAN

Dunia dalam talian telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita dan juga anak-anak kita. Ia amat pintar, menyediakan peluang untuk belajar, bermain dan bersosial seterusnya menyumbang kepada kemahiran intelektual dan sosial dalam kalangan kanak-kanak. Dengan teknologi yang sentiasa berkembang, dunia dalam talian kini boleh diakses dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui komputer, telefon bimbit, dan peranti-peranti elektronik yang lain.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak memerlukan bimbingan dan pengawasan daripada ibu-bapa dan penjaga mereka untuk membantu mereka mendapatkan manfaat daripada dunia dalam talian dan pada masa yang sama, kekal selamat dan bertanggungjawab.

Panduan ini disediakan untuk membantu ibubapa dan penjaga mendalami kemahiran keibubapaan siber di dalam dunia digital. Ia akan membantu anda untuk melibatkan diri dalam kehidupan anak-anak anda secara dalam talian. Di samping itu, ia juga untuk menetapkan peraturan dan garis panduan yang akan dapat melindungi mereka¹.



¹ CyberSecurity Malaysia, (2018). Buku panduan keibubapaan siber [Booklet]. Seri Kembangan, Selangor, Malaysia: CyberSecurity Malaysia.

² Video "Keep Our Women & Children #cyberSAFE"

³ Wartawan Sinar Siasat (2019, April 8). Jenayah pedofilia makin membimbangkan. Sinar Harian. Artikel penuh <https://www.sinarharian.com.my/article/22332/SIASAT/Jenayah-pedofilia-makin-membimbangkan>

ANCAMAN DAN KEBIMBANGAN SIBER

Kanak-kanak yang sedang berkomunikasi dalam talian terdedah kepada pelbagai ancaman dan kebimbangan yang boleh membahayakan diri mereka sendiri, kawan dan keluarga. Sebagai ibu bapa, anda perlu sedar bahawa anak anda bukan sahaja berisiko untuk menjadi mangsa ancaman siber, tetapi mereka juga mungkin membahayakan dan menyakiti orang lain, sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Oleh itu, mereka perlu dimaklumkan mengenai risiko-risiko ini dan dibimbing untuk membuat pilihan yang selamat dan bertanggungjawab ketika melakukan aktiviti dalam talian.

Berdasarkan prinsip Maqasid Syariah, AWASpada menekankan kepentingan menggunakan media sosial dan permainan atas talian dengan betul bagi memelihara agama, nilai-nilai insan, nyawa, keselamatan diri, keamanan dan ketenteraman, harta, hak peribadi, keturunan, sistem masyarakat dan sumber tenaga manusia.



ANCAMAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PEMELIHARAAN AGAMA DAN NILAI-NILAI INSAN


ANCAMAN MEDIA SOSIAL DAN PERMAINAN ATAS TALIAN	ASPEK DAN NILAI-NILAI INSAN YANG TERANCAM
Buli Siber Menjadi sasaran atau memprovokasi orang lain dengan menggunakan kandungan dalam talian yang membahayakan atau menyakitkan hati.	Pemeliharaan Maruah dan Perlindungan Keselamatan Hidup
Pengaruh Negatif (Komuniti) Berinteraksi dengan komuniti yang boleh mempengaruhi anak-anak anda untuk terlibat dengan gejala negatif seperti mencederakan diri sendiri, perlakuan ganas serta kumpulan remaja bermasalah.	Pemeliharaan Maruah dan Perlindungan Keamanan
Permainan Dalam Talian Penglibatan yang melampau dalam permainan dalam talian, terutamanya permainan ganas.	Pemeliharaan Akal dan Perlindungan Ketenteraman
Perjudian Dalam Talian Terlibat dengan permainan dalam talian berasaskan perjudian atau perjudian dalam talian sebenar.	Pemeliharaan Akal dan Perlindungan Sumber Tenaga Manusia
Ketagihan Internet Gangguan psikologi yang menyebabkan seseorang itu menghabiskan banyak masa pada komputer yang menjejaskan kesihatan, pekerjaan, kewangan atau hubungan mereka dengan orang lain ¹ .	Pemeliharaan Akal dan Perlindungan Nilai-Nilai Mulia

¹ CyberSecurity Malaysia, (2018). Buku panduan keibubapaan siber [Booklet]. Seri Kembangan, Selangor, Malaysia: CyberSecurity Malaysia.

ANCAMAN MEDIA SOSIAL DAN PERMAINAN ATAS TALIAN	ASPEK DAN NILAI-NILAI INSAN YANG TERANCAM
Ancaman Berkaitan Seksual i. Antun (Grooming) seksual – dihendap atau berkawan dengan pemangsa untuk aktiviti seksual atau pornografi. ii. Menerima atau terlibat dalam gangguan seksual. iii. Mencari hubungan seks dengan orang dewasa atau remaja lain. “Sexting” – Terlibat dengan perbuahan dalam talian yang berkait dengan teks dan imej yang bersifat provokatif secara seksual.	Pemeliharaan Keturunan dan Perlindungan Sistem Masyarakat
Perisian Hasad / Virus / Penipuan i. Dijangkiti atau menjangkitkan orang lain dengan virus komputer yang boleh merosakkan komputer / peranti. “Phishing” – penipuan atau laman palsu yang cuba untuk mendapatkan maklumat sensitif seperti nama pengguna, kata laluan, butiran kad kredit (atau akaun bank) yang berniat jahat dan boleh menyebabkan kehilangan wang serta kecurian data.	Pemeliharaan Harta dan Perlindungan Kekayaan Masyarakat
Pencurian Identiti Kehilangan atau kecurian data peribadi atau akaun media sosial.	Pemeliharaan Harta dan Perlindungan Hak Peribadi
Pelanggaran Hak Cipta Menyalin atau menyebarkan karya hak cipta seseorang secara tidak wajar¹.	Pemeliharaan Harta dan Perlindungan Peralihan Harta



AKTIVITI INTERNET YANG POPULAR DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA



Sumber: Kajian Asas Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan dalam kalangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah (2016)



Contoh-contoh platform dalam talian yang popular dalam kalangan kanak-kanak dan ancaman siber yang berkaitan

PLATFORM DALAM TALIAN	ANCAMAN SIBER
Media Sosial (contoh: Instagram, Facebook, Tumblr, Wechat)	• Buli Siber • Antun (Grooming) Seksual • Kecurian identiti • Komuniti yang tidak selamat dan berbahaya – Pengaruh Negatif (Komuniti)
Aplikasi Sembang (contoh: WhatsApp, Facebook, Messenger, Wechat)	• “Sexting” • Buli Siber • Antun Seksual • Komuniti yang tidak selamat atau berbahaya • Pornografi
Audio dan Video (contoh: Joox, Sound cloud, Spotify, YouTube, Snapchat, Bigo)	• Pelanggaran hak cipta • Pornografi • Buli Siber • Antun Seksual
E-mel	• Penipuan • “Phishing” • Virus / Perisian hasad
Permainan dan aplikasi	• Ketagihan Internet • Perjudian dalam talian • Virus / Perisian hasad¹



ANCAMAN KESIHATAN SIBER

Keluarga yang sihat mestilah mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang seimbang. Ketagihan Internet dalam kalangan ibu bapa boleh mempengaruhi tabiat Internet anak-anak. Bagi mewujudkan keluarga bingkis siber, anda perlu menghadkan masa yang anda gunakan untuk berinteraksi di alam maya sebelum anda menghadkan masa penggunaan Internet anak-anak.

Penggunaan alatan digital yang berlebihan boleh menyebabkan “*Digital Eye Syndrome* (DES)”. Tanda-tanda DES termasuklah penglihatan menjadi kabur, ketegangan / keletihan mata, mata menjadi kering atau merah dan sakit kepala. Kesannya terhadap kanak-kanak dan remaja adalah lebih membimbangkan.

Selain berisiko mengalami tanda-tanda DES, kanak-kanak juga berisiko mendapat rabun jauh. Ini kerana, penggunaan alatan digital melibatkan aktiviti penglihatan jarak dekat dan mengurangkan aktiviti luaran. Kedua-dua faktor ini adalah penyumbang utama kepada peningkatan tahap rabun jauh pada kanak-kanak.

Antara tip bagi mengurangkan kesan penggunaan alatan digital terhadap penglihatan adalah:

- Mengamalkan *20-20-20 rule*: Selepas penggunaan alatan digital selama 20 minit, rehat selama 20 saat dengan melihat sejauh 20 kaki.
- Mengelipkan mata secara kerap semasa menggunakan alatan digital untuk mengelakkan mata kering.
- Pastikan jarak penglihatan dengan alatan digital tidak kurang daripada 18 inci untuk kanak-kanak.
- Pastikan tahap penglihatan kanak-kanak diperiksa supaya rabun dapat dikesan awal¹.



¹ CyberSecurity Malaysia, (2018). Buku panduan keibubapaan siber [Booklet]. Seri Kembangan, Selangor, Malaysia: CyberSecurity Malaysia.

Ketahuiilah bahawa postur (kedudukan leher) yang tidak betul semasa penggunaan peranti digital / telefon pintar boleh menyebabkan sakit tengkuk dan sakit tulang belakang yang berpanjangan. Ibu bapa perlu mengambil tahu postur yang betul semasa anak-anak menggunakan peranti digital. Ibu bapa digalakkan memuat turun aplikasi yang boleh membantu dalam mendapatkan postur yang sesuai untuk mengurangkan risiko terhadap leher dan tengkuk anak-anak.

Penggunaan alatan digital dan Internet yang keterlaluan akan menyebabkan gangguan terhadap hormon dalam badan, masa tidur yang tidak mencukupi serta keletihan kepada anak-anak. Ini boleh menyebabkan anak-anak kita keletihan, hilang fokus terhadap pelajaran dan seterusnya mengalami kemurungan.



**Remaja aktif di media sosial selama 9 jam sehari.
1/3 kehidupan harian anak anda adalah di dunia maya.
Adakah anda tahu apa yang berlaku?**

PANDUAN AL-QURAN DALAM MELAYARI ALAM SIBER

Terdapat sepuluh (10) nasihat yang telah disebut melalui Surah Al-Hujurat (Surah Berkaitan Adab) yang boleh dijadikan panduan kepada anda bagi melayari dunia siber seperti berikut:

(1) <i>Sabar</i> : صَبْرُوا Sabar dalam berinteraksi di media sosial. Harus rasional dan jangan mengikut emosi dan sentimen.
(2) <i>Fa Tabayyanu</i> : فَتَبَيَّنُوا Menyasiat apabila anda menerima maklumat, supaya anda tidak merosakkan orang daripada kejahilan.
(3) <i>Fa Aslihu</i> : فَأَصْلِحُوا Mendamaikan diantara saudara-saudaramu jika ada perselisihan faham
(4) <i>Wa Aqsitu</i> : وَأَقْسِطُوا Bertindak dengan adil: Setiap kali adanya perselisihan, cuba untuk mencari penyelesaian dengan bertindak adil di antara kedua belah pihak kerana Allah swt mengasihi mereka yang bertindak dengan adil
(5) <i>La Yaskhar</i> : لَا يَسْخَرُ Jangan menghina orang, mungkin mereka lebih baik daripadaku di sisi Allah.
(6) <i>Wa La Talmizu</i> : وَلَا تَلْمِزُوا Jangan menghina satu sama lain.
(7) <i>Wa La Tanabazu</i> : وَلَا تَنَابَزُوا Jangan panggil antara satu sama lain dengan nama samaran yang boleh menyinggung perasaan.
(8) <i>IjtanibuKathiiran min Aldhan</i> : اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ Elakkan andaian negatif, sememangnya beberapa andaian adalah dosa.
(9) <i>Wa La Tajassasu</i> : وَلَا تَجَسَّسُوا Jangan mengintip satu sama lain.
(10) <i>Wa La Yaghtab</i> : وَلَا يَغْتَبِغْ مَعْصُومًا Jangan berkata-kata di belakang satu sama lain. Ia adalah dosau tama yang sama seperti ibarat memakan daging abang kamu sendiri.



Allah swt berfirman di dalam Al-Quran,
 “Dan tetaplah memberi peringatan kerana peringatan itu bermanfaat kepada orang-orang yang beriman”
 (Az-Zariyat: 55)

TIP YANG SESUAI DENGAN UMUR

Strategi keibubapaan tradisi atau dunia nyata amat sesuai untuk diamalkan dalam keibubapaan siber, di mana ibu bapa melindungi anak-anak kecil dengan mengawasi mereka secara dekat dan menyediakan peraturan yang mudah diikuti mereka. Kanak-kanak perlu memahami bahawa tingkah laku yang sama di dalam atau di luar talian akan memberi impak kepada diri mereka, rakan-rakan dan keluarga. Oleh itu, kanak-kanak perlu belajar untuk bertanggungjawab dan beretika ketika sedang dalam talian untuk mengelakkan diri mereka daripada terdedah kepada ancaman siber. Keibubapaan siber yang berkesan akan membantuk anak-kanak membesar sebagai netizen warga digital yang baik di rumah dan di luar. Berikut adalah beberapa tip yang sesuai untuk membantu anda dalam aspek keibubapaan siber:





Umur 7 dan kebawah

- Hadkan masa penggunaan Internet anak anda kepada setengah jam sehari sahaja dibawah pemantauan anda.
- Gunakan perisian kawalan ibu bapa (contoh: Digi Family Safety) untuk menyekat mana-mana laman web yang tidak sesuai untuk umur mereka.

Pilih 'Youtube Kids' dan menghentikan fungsi 'auto-play'¹.

Umur 8 sehingga 12 tahun

- Sekat semua komunikasi daripada orang yang tiada dalam senarai nama yang diizinkan.
- Jangan benarkan mereka memuat naik maklumat peribadi di profil, blog atau laman web tanpa pantauan.
- Pastikan anak-anak menggunakan enjin carian yang mesra kanak-kanak.
- Ajar anak anda untuk menghormati orang lain semasa berada dalam talian dan berfikir sebelum memuat naik apa-apa.





Umur 13 sehingga 15 tahun

- Hadkan masa dalam talian selama dua jam sehari.
- Mengurangkan risiko dengan tetapan privasi dalam media sosial.
- Kongsi dengan mereka mengenai bahaya buli siber dan cara-cara penyelesaiannya.
- Memantau penggunaan Internet mereka serta status atau penggunaan kamera web.
- Menapis laman web dan rangkaian media sosial yang tidak sesuai (contoh: laman web *dating*).
- Berbincang dengan mereka mengenai pornografi Internet dan aksi keganasan dalam permainan video.

Umur 16 dan keatas

- Kongsi dengan mereka mengenai bahaya antun (*grooming*) seksual dalam talian dan perjumpaan dengan orang tidak dikenali di luar talian.
- Benarkan anak-anak untuk berkawan di dunia maya, tetapi pastikan anda mengenali identiti sebenar kawan tersebut.
- Sekat mereka daripada memuat turun perisian cetak rompak, filem, muzik, atau permainan video untuk mengelakkan virus "*malware*".
- Berbincang dengan mereka mengenai tanggungjawab penggunaan digital serta risiko dan kepentingan kata laluan yang kukuh.
- Apabila mereka meningkat dewasa, berikan kepercayaan kepada mereka untuk melakukan perkara yang betul dan untuk menunjuk ajar adik-adik.

Selain itu, penting juga untuk ibu-bapa sendiri menggunakan Internet secara bertanggungjawab dan menjadi contoh kepada keluarga anda. Mengekalkan hubungan positif dengan berkomunikasi secara tetap dengan anak anda adalah penting untuk mencegah risiko dan ancaman siber daripada berlaku. Interaksi yang kurang baik antara ibu bapa dengan kanak-kanak boleh menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kesepian, berasa terasing dan rendah diri. Masalah emosi sedemikian, apabila ditambah dengan kurangnya kematangan dalam kemahiran sosial dan hidup, boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi lebih terdedah kepada risiko dan ancaman siber.



Tiga (3) peraturan mudah penggunaan media sosial untuk anak-anak anda



1

Kawal maklumat peribadi – rahsiakan semua maklumat peribadi (nama sebenar, alamat, nama sekolah, nombor telefon, gambar) dan akaun media sosial peribadi.



2

Jauhi orang yang tidak dikenali. Seperti di dunia nyata, kanak-kanak mesti sentiasa menjauhi orang yang tidak dikenali. Jangan berbual dengan orang yang tidak dikenali di dalam talian atau bersetuju untuk bertemu dengan mereka di luar talian.




3

Sentiasa berhubung dengan ibu bapa dan penjaga. Anak-anak harus berasa bebas untuk berkongsi pengalaman dalam talian mereka dengan ibu bapa dan penjaga terutama jika ada sesuatu yang membuat mereka berasa tidak selesa.

PANDUAN SOALAN-SOALAN PENTING UNTUK DITANYAKAN ANAK ANDA TENTANG INTERNET

Untuk anak-anak yang sedia terhubung dengan masyarakat Internet, berikut adalah soalan-soalan yang relevan mengenai penggunaannya untuk ditanyakan kepada mereka.



Pemeliharaan Nyawa dan Keselamatan Hidup

Q1: Penggunaan Teknologi Umum

1. Apakah laman web kegemaran kamu? Apa yang kamu buat di laman-laman web ini?
2. Apakah laman web kesukaan kawan-kawan kamu ketikaini?
3. Pernahkan kamu dihubungi oleh seseorang yang tidak dikenali dalam talian? Jika pernah, apa yang mereka mahukan? Apa yang kamu lakukan? Bagaimanakah kamu bertindak balas?
4. Pernahkah kamu terima mesej yang membuat kamu rasa terganggu? Bagaimanakah kamu bertindak balas?
5. Bagaimana kamu menjaga keselamatan diri ketika dalam talian?
6. Adakah kamu risau orang membaca tulisan seseorang yang tidak benar tentang kamu dalam talian tetapi menganggapnya benar?
7. Pernahkah kamu berbual dengan sesiapa dalam talian yang bukan daripada sekolah kamu?

Pemeliharaan Maruah dan Keselamatan Hidup

Q2: Buli Siber

1. Pernahkah kamu berbalah atau meletakkan entri yang menyinggung di Instagram, Facebook, Twitter atau laman media sosial kamu? Mengapa?
2. Pernahkah kamu memadam suatu pos atau komen yang ditulis oleh orang lain di laman kamu?
3. Adakah buli siber kerap berlaku? Adakah kamu rasa selesa jika dapat memberitahu bahawa kamu dibuli di alam siber?
4. Adakah kamu rasa sekolah kamu memandang serius mengenai buli siber?
5. Pernahkah kamu terpaksa menghubungi guru atau orang lain di sekolah disebabkan ancaman siber? Jika pernah, adakah mereka bertindak dan adakah ia membantu?
6. Adakah sekolah kamu mempunyai cara untuk merahsiakan pelapor buli dan buli siber?
7. Adakah kamu rasa teman-teman akan menyokong kamu jika kamu beritahu yang kamu dibuli di alam siber?
8. Pernahkah kamu dikritik ketika bermain dalam talian?
9. Pernahkah kamu terpaksa meninggalkan permainan dalam talian kerana seseorang menggangu dalam talian?
10. Pernahkah khabar angin mengenai kamu tersebar di sekolah kerana sesuatu yang dikatakan dalam talian?
11. Dapatkah kamu ketahui siapa yang memulakan khabar angin tersebut? Apa tindakan kamu setelah mengetahuinya?
12. Pernahkah kamu menyekat sesiapa dalam talian kerana merasa terganggu? Jika pernah, dapatkah ia menghentikannya?



Pemeliharaan Keturunan dan Perlindungan Sistem Masyarakat

Q3: *Sexting*

1. Adakah kamu menghantar gambar melalui teks? Adakah kamu menerima gambar? Jika ada, daripada siapa?
2. Adakah pelajar di sekolah mengambil banyak gambar menggunakan kamera telefon bimbit mereka? Apa yang mereka buat dengan gambar tersebut?
3. Pernahkah kamu menggunakan Sykpe atau Facetime dengan kawan-kawan?
4. Adakah kamu menggunakan Snap chat? Boleh kamu terangkan cara ia berfungsi? Adakah kamu rasa gambar benar-benar telah tiada?
5. Pernahkah kamu ketahui sesiapa melakukan atau mengucapkan sesuatu yang tidak sesuai di Skype atau Snapchat?
6. Tahukah kamu apa itu sexting? Pernahkah orang dewasa di sekolah bercakap dengan kamu tentang sexting?
7. Pernahkah orang asing menghantar teks tanpa berselindung kepada kamu? Apa yang kamu buat dengan teks-teks ini?
8. Pernahkah kawan menghantar gambar atau teks tanpa berselindung atau menyinggungkamu?
9. Tahukah kamu akan akibat menghantar gambar-gambar yang tidak sepatutnya (undang-undang pornografi kanak-kanak)?



Pemeliharaan Maruah dan Perlindungan Keselamatan Hidup

Q4: Rangkaian Sosial Yang Selamat Dalam Talian

1. Apakah laman sosial yang paling kerap kamu gunakan? Berapa ramai teman atau pengikut yang kamu ada?
2. Apa jenis orang yang kamu jumpa di Instagram dan Facebook? Adakah kamu berhubung dengan orang yang kamu kenali? Atau kamu bertemu dengan orang di seluruh dunia?
3. Adakah kamu dapat ramai kawan atau menerima orang asing? Jika ya, bagaimanakah kamu menanganinya?
4. Adakah kamu menggunakan Twitter? Untuk apa? Siapa yang kamu ikuti dan siapa yang mengikuti kamu?
5. Tahukah kamu cara menggunakan tetapan privasi di Instagram, Facebook dan Twitter?
6. Adakah kamu tetapkan supaya mereka yang diterima sebagai kawan sahaja yang dapat melihat pos kamu? Bagaimana kamu tahu siapa yang dapat melihat maklumat kamu?
7. Apakah jenis maklumat peribadi yang kamu pos dalam talian? Pernahkah kamu mengepos nama penuh kamu? Usia? Sekolah? Nombor telefon? Lokasi sekarang?
8. Pernahkah kamu ditanda dalam gambar yang membuatkan kamu rasa marah?
9. Tahukah kamu cara mengedit tetapan privasi agar sesiapa yang mahu menandakamu di dalam pos atau gambar perlu meminta kebenaran kamu?
10. Tahukah kamu cara menghapus tanda diri sendiri pada gambar?
11. Adakah kamu rasa laman sosial patut digunakan untuk meluahkan kekecewaan kamu? Adakah kawan kamu meluahkan perasaan di media sosial? Adakah sesiapa memberikomen? Apa kata mereka?
12. Apakah jenis video yang kamu tonton di YouTube? Pernahkah kamu memuat naik video?
13. Pernahkah kamu melaporkan video yang tidak sepatutnya kamu tonton di YouTube? Atau laman web lain?
14. Adakah sesiapa tahu kata laluan atau kod laluan kamu di laman atau aplikasi media sosial? Bagaimana dengan komputer atau telefon bimbit kamu?

5 Sameer Hinduja, Ph.D. dan Justin W. Patchin, Ph.D., 'Pencegahan Buli Siber: Soalan Ibu Bapa Perlu Tanya Anak-Anak Mereka Mengenai Teknologi', Ogos 2013

PENGHARGAAN

Buku ini adalah hasil kerjasama diantara Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF), CyberSecurity Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Persatuan Wadah Pencerdasan Umat (WADAH).



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِي سِتِي اِسْلَامِي اِنْتَارَابَنْغْسَا مَلَيْسِيَا



|| CyberSecurity ||
MALAYSIA

MPC



Sumber grafik: Freepik.com